

05/10/2000

`Muzik mengeratkan kami'

Zul Husni Abdul Hamid

NAMA mereka begitu gah dalam genre jazz. Malah pencapaian di peringkat antarabangsa juga begitu mengagumkan. Mereka juga bergerak dalam satu kumpulan tetapi anehnya, hanya bertemu satu atau dua kali dalam setahun.

Itulah keistimewaan Manhattan Jazz Quintet (MJQ) yang dianggotai lima pemuzik berpengalaman kelahiran New York, David Matthews (ketua/piano), Randy Brecker (trumpet), Bill Evans (saksafon tenor), Charnett Moffett (bass) dan Victor Lewis (dram).

Randy adalah ahli terbaru kumpulan yang ditubuhkan sejak 1984. MJQ yang kini berada di ibu kota dalam rangka persembahan A Dawn In Asia mengakui mereka hanya bertemu apabila terbabit dalam konsert besar dan proses rakaman.

Malah, setiap ahlinya menganggotai kumpulan lain dan segala urusan berkaitan MJQ akan dikendalikan David yang dilantik sebagai ketua.

Pemain bassnya, Charnett Moffett, berkata keunikan itulah membuat MJQ bertahan meskipun ada ketikanya mengalami kesukaran.

"Muzik mengeratkan kami dan ia menjadi jambatan yang menzahirkan tarikan. Meskipun mempunyai cita rasa tersendiri, namun ia tidak sepatutnya dijadikan jurang kerana muzik bersifat sejagat.

"Tidak adil jika menyekat genre muzik yang dimainkan kerana ia secara tidak langsung mendiskriminasikan irama sedangkan peminat dahagakannya. Kita seharusnya bersifat terbuka untuk memanfaatkan kemajuan teknologi dalam bidang ini," katanya.

Menganggap jazz sebagai muzik yang menggamit ingatan terhadap kebudayaan dan sejarah, Charnett yang mengagumi Miles Davis, Bob Marley dan John Lennon berkata gabungan pelbagai unsur irama menjadikan ia unik serta sejagat.

"Susunannya mudah didekati selain mempamerkan elemen intelektual serta spiritual. Mendekatinya bermakna kita harus mengkaji sejarah. Begitu juga dengan muzik.

"Kita perlu memahami sepenuhnya dan memastikan tanggungjawab disempurnakan sebaik mungkin," katanya.

Kedatangan ini adalah yang kedua bagi MJQ selepas persembahan pertama mereka bersama penyanyi tempatan, Sheila Majid menerima sambutan menggalakkan. Persembahan terbaru ini bakal menyaksikan gandingan mereka bersama penyanyi jelita, Camelia.

Menariknya, pertunjukan ini turut membabitkan dua artis dari Kampung Budaya, Sarawak, Dungau Tegung dan Jerry Kamit yang bakal mempamerkan keunikan petikan alat muzik tradisional, sape.

Selain itu mereka juga terbabit dalam beberapa aturcara termasuk klinik muzik bersama pelajar institusi pengajian tinggi serta sesi bertemu peminat di KL Plaza.

Malah sebahagian daripada kutipan tiket iaitu RM30,000 disalurkan kepada Yayasan Aids Malaysia yang disampaikan kepada Pengerusinya, Datuk Paduka Marina Mahathir, Selasa lalu.

Menyifatkan persembahan kali ini sebagai Barat bertemu Timur, MJQ berharap kegemilangan yang dicipta di Taipei dan Shanghai kembali bersemarak di sini. Mereka akan berangkat ke Bangkok, Thailand sehari selepas persembahan berlangsung.

Sidang media itu diserikan dengan kehadiran Pengarah Urusan National Panasonic (M) Sdn Bhd, Bunroku Morioka serta Pengarah Bersekutu Bahagian Komunikasi Korporat NPM, Shahar Noor.

( END )